

---

## **Pergantungan Pendidikan dan Bahasa di Malaysia Satu Kajian Awal Terhadap Krisis Perspektif Berhubung dengan Peranan Bahasa Inggeris.**

Dr. Haris Md. Jadi  
Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan,  
Universiti Sains Malaysia.

---

This essay attempts to provide relevance on the issue of educational dependency in the Third World countries today, taking Malaysia as a case. The essay argues that 'dependency' was the outcome of a long colonial cultural penetration and the imposition of colonial norms and values through various agencies and of particular importance was education. In Malaysia, the remnant of colonial cultural penetration still remains and this is manifested in the important role given to the English language in various facets of life. The over-emphasis given to this colonial language, creates a crisis of perspective over its function and role in the country. Besides undermining the position of the national language as the sole language of instruction in schools, the continued importance placed on the English language is also detrimental to the process of national integration which has been the stated goal of the country since its independence in 1957. As has been shown, those who really needs the functional requirement of the language either for educational or research purpose constitute only a small minority of the population. Thus the amount of money, manpower and time spent towards promoting the language could not justify for its continued existence in its present role. Under the present set up, the over emphasis given on the language prolongs the state of educational dependency of our country with its former colonial master. The result is that after years of independence we still fail to indentify ourselves with the outside world without relating ourselves to the standards and guidelines set up by Britain. The question that strikes me is that: Could we progress and develop without being trapped into the state of dependency?

Di kebanyakan negara Dunia Ketiga hari ini, kemerdekaan politik yang diperolehi jarang merangkumi kemerdekaan budaya. Keadaan ini lebih jelas berlaku di negara-negara di mana kesan penerapan dan pengaruh pemerintahan penjajah begitu mendalam. Justeru itu, kemerdekaan politik yang dinikmatinya tidak selalu dianggap sebagai satu pencapaian kemerdekaan yang sepenuhnya. Di dalam negara-negara yang sedemikian bekas-bekas pengaruh kebudayaan penjajah masih terdapat dan ini secara tidak langsung menentukan kehadiran yang berterusan bekas kuasa penjajah dalam bentuk yang lebih kompleks dan rumit. Mengikut susunan baru ini, hubungan di antara bekas kuasa penjajah dengan bekas tanah jajahannya muncul dalam dimensi yang berlainan. Misalnya, hubungan yang nyata di antara golongan pemerintah dan yang diperintah yang wujud dalam zaman penjajahan tidak lagi terdapat selepas negara tersebut mencapai kemerdekaan politiknya. Sebaliknya apa yang timbul ialah satu hubungan yang bercorak psikologi dan budaya, satu bentuk baru dalam proses penjajahan yang sama merosakkan, jika tidak lebih, dari penindasan yang dilakukan dalam zaman penjajahan klasik. Keadaan yang seperti ini berlaku apabila sesebuah negara yang baharu mencapai kemerdekaan meneruskan hubungannya dengan bekas kuasa penjajah berdasarkan keperluan-keperluan ekonomi dan budaya. Dari hubungan yang sebeginilah timbulnya hubungan yang bukan berdasarkan persamaan sebagai negara-negara yang merdeka dan berdaulat tetapi disebabkan keperluan-keperluan ekonomi dan psikologi sebagaimana yang dinyatakan tadi. Dari sinilah timbulnya konsep 'pergantungan' satu unsur penindasan yang tidak secara langsung disemai dalam zaman penjajahan yang kemudiannya diperkuatkan dengan perkembangan kapitalisme. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Frank (1972; m.s. 19):

"Pergantungan ini adalah kesan dari perkembangan sejarah dan struktur dunia kapitalisme semasa ..... dan dasar-dasar ekonomi, politik, sosial dan kebudayaan

yang terhasil dari kesan struktur kelas terutamanya oleh kepentingan kelas bourgeois yang terbesar.”

Satu dari aspek pergantungan kebudayaan ini terlambang di dalam sistem pendidikan di Dunia Ketiga hari ini. Di negara-negara ini sistem pendidikan yang ada, kurikulum yang digunakan dan bahasa pengantarnya masih mencerminkan kehadiran kuasa penjajah. Justeru itu sistem pendidikan negara-negara tersebut dengan sendirinya menjamin hubungan kebudayaan yang berterusan dengan bekas kuasa penjajah. Carnoy (1974; m.s. 17) bersetuju dengan pendapat ini apabila beliau menulis:

“Maka imperialisme dan kolonialisme cara lama telah semuanya hapus dan empayar-empayar besar dalam abad yang lalu telah dirobuhkan, tetapi sistem pendidikan di dalam bekas tanah jajahan masih kekal selepas kemerdekaan. Kurikulum, bahasa dan dalam setengah kes hinggakan keturunan guru sendiri dibawa dari zaman penjajahan. Dalam banyak hal, hubungan di antara bekas tanah jajahan dengan bekas penjajah lebih kuat dalam bidang ekonomi dan kebudayaan dari masa pemerintahan penjajah.”

Di Malaysia, perkara ini masih berlaku dan dirasai terutamanya peranan kurikulum dan bahasa Inggeris di dalam sistem pendidikan kebangsaan. Tidak dapat dinafikan bahawa aspek kurikulum telah banyak mengalami perubahan sejak kebelakangan ini tetapi sisanya masih kekal dan kuat terutama berhubung dengan kedudukan bahasa Inggeris dalam sistem pendidikan negara. Walaupun peranan bahasa Inggeris telah jelas dinyatakan dalam Rancangan Malaysia Kedua (1971; m.s. 236) sebagai bahasa kedua negara berikutan dengan krisis kaum pada 13hb. Mei, 1969, tetapi perkembangan-perkembangan yang terdapat pada hari ini menampakkan satu krisis tentang kedudukannya. Krisis psikologi ini mempunyai sejarah yang panjang dan berpunca dari ilusi terhadap peranannya dalam dunia ilmu sebagai ‘indispensable’. Oleh itu artikel ini cuba membincangkan perkembangan pendidikan Malaysia dalam hubungannya dengan peranan bahasa Inggeris sebagaimana yang dinyatakan di atas. Artikel ini cuba menganalisa perkembangan-perkembangan yang membawa kepada pergantungan bahasa Inggeris dan keengganan negara mencapai kemerdekaan kebudayaan dalam ertikata yang sebenarnya.

### **Sistem Pendidikan Malaysia: Latarbelakangnya**

Apabila Malaysia mencapai kemerdekaannya dalam tahun 1957, ia mewarisi sebuah masyarakat yang mengandungi berbagai suku kaum dan sistem pendidikannya yang bercorak majmuk. Kemajmukan masyarakat Malaysia ini berpunca dari zaman penjajahan di mana satu dasar yang bebas telah diamalkan oleh pihak British dalam usaha mereka untuk mendapatkan hasil-hasil negara dengan sepenuhnya. Untuk tujuan ini galakan-galakan telah diberikan kepada warganegara asing supaya datang ke negara ini. Dua buah negara yang menjadi sumber utamanya ialah negeri Cina dan India (Purcell, 1967 dan Sandhu, 1969). Keadaan ekonomi yang mendesak di negara-negara tersebut telah memudahkan lagi pengaliran masuk dua golongan kaum ke Malaysia. Kesan dari kemasukan orang asing yang begitu ramai ini telah mengubah pola kedudukan Malaysia dan dalam tahun 1941, keadaan ini begitu ketara apabila jumlah angka kaum pendatang telah mengatasi kaum pribumi sendiri (lihat Jadual 1).

Dasar liberal British ini bukan sahaja telah merosakkan imbang penduduk Malaysia tetapi juga telah mengasing-asingkan penduduk-penduduknya dengan berdasarkan kegiatan-kegiatan ekonomi dan proses penempatan. Orang-orang Cina misalnya digalakkan datang ke Malaysia untuk bekerja di lombong-lombong bijih (Purcell, 1967), manakala orang-orang India dibawa masuk khususnya untuk bekerja di ladang-ladang getah (Sandhu, 1969). Orang-orang Melayu pula pada waktu itu bergiat dalam ekonomi subsisten dan telah dikekalkan kedudukan mereka tanpa gangguan dari pihak penjajah. Kecuali beberapa kerat elit Melayu yang melibatkan diri dalam ekonomi perlombongan dan pertanian,

kebanyakan dari mereka tetap kekal dengan kegiatan tradisi mereka, dan ini juga mempunyai kaitan dengan dasar penjajahan British itu sendiri. Steinberg (1971; m.s. 323) misalnya membuat pemerhatian seperti berikut:

“Pengekalan elit-elit tradisi di seluruh semenanjung, samada dalam bentuk biasanya atau sebagai birokrasi baru, selari dengan jelasnya ketiadaan penglibatan petani Melayu di dalam ekonomi eksport yang berkembang, samada sebagai tenaga kerja atau pengusaha. Pihak British cuba dengan giatnya untuk melindungi masyarakat petani Melayu dari kesan yang boleh merosakkan susunan ekonomi baru ..... sebahagian dari sebabnya untuk menjamin penghasilan bahan makanan yang berterusan, dan sebahagian lagi untuk mengelakkan kesan-kesan politik yang difikirkan akan berlaku berikutan dengan penyusunan semula ekonomi petani. Kelas pemerintah Melayu tradisi dengan cergasnya menyetujui dengan langkah-langkah yang dihasilkan.”

Ras	Nombor	Peratus dari jumlah
Cina	2,418,615	44.0
Melayu	2,248,579	40.5
India	767,693	14.4
Eropah	30,251	0.5
Lain-lain	80,035	1.0
Jumlah	5,545,173	100.0

**JADUAL 1: Penduduk Malaya dalam Tahun 1941**

*Sumber:* Ooi Jin-Bee, 1963; m.s. 121

Dengan perkembangan-perkembangan yang berlaku itu maka tidak dapat tiada dasar penempatan penduduk juga adalah berlandaskan faktor kaum. Dari sinilah timbulnya institusi-institusi yang dengan sendirinya mencerminkan keadaan masyarakat setempat. Satu daripadanya ialah pembinaan sekolah-sekolah yang melambangkan ciri-ciri kaum yang terdapat di dalam masyarakat tersebut. Sebagai sebuah “masyarakat majmuk” (Furnivall, 1948; m.s. 304) sistem pendidikan yang terdapat di Malaysia dalam masa penjajahan melambangkan keadaan masyarakat yang sebenarnya. Di sekolah-sekolah inilah wujudnya ciri-ciri kesukuan yang membezakan sesuatu kaum dengan sesuatu kaum yang lain. Sekolah-sekolah majmuk dalam zaman penjajahan ini telah melihatkan perbezaan-perbezaan di antara satu sama lain sama ada dari segi kurikulum, guru yang mengajar, bahasa perantaraan, orientasi sekolah-sekolah tersebut ataupun dari segi sikap ibu-bapa dan kerajaan terhadap sekolah-sekolah tersebut.

Kecuali sekolah-sekolah Inggeris di mana ia menjamin seseorang untuk meneruskan persekolahan ke peringkat menengah, sekolah-sekolah sukukaum yang lain adalah terhad. Sekolah-sekolah Cina dengan orientasinya ke negeri asal mereka telah dibiarkan berkembang tanpa gangguan dan hanya dalam tahun 1920an tindakan diambil kerana didapati sekolah-sekolah tersebut telah digunakan sebagai pusat penyebaran dakyah politik negeri Cina (Loh, 1975). Sekolah-sekolah Melayu dan Tamil pula walaupun mendapat simpati dari pihak kerajaan, tetapi hanya terhad setakat peringkat rendah sahaja. Kedua-dua sekolah vernakular ini tidak menyediakan murid-muridnya ke sekolah menengah. Manakala keadaan sekolah-sekolah Tamil ini adalah menyedihkan (Arasaratnam, 1970; m.s. 180), keadaan sekolah-sekolah Melayu juga tidak lebih dari apa yang terdapat di sekolah Tamil (Sadka, 1968; m.s. 293). Kelebihan bagi yang menghadiri sekolah Melayu ialah peluang yang diberi kepada segelintir dari mereka untuk meneruskan pelajaran ke Maktab Perguruan Sultan Idris di Tanjung Malim Perak untuk dilatih sebagai guru-guru sekolah Melayu.

Kewujudan sistem persekolahan majmuk ini walaupun memberi kepuasan kepada berbagai kumpulan kaum yang terdapat di negara ini, tetapi ia juga merupakan penghalang utama dalam usaha negara untuk membangun sebagai sebuah negara yang merdeka dan melaksanakan dasar integrasi kebangsaan. Kecuali sekolah-sekolah Inggeris yang didakwa oleh setengah pihak sebagai mencerminkan struktur penduduk Malaysia yang berbilang kaum (Silcock, 1949), sekolah-sekolah vernakular yang lain hanya mencerminkan satu-satu kaum sahaja. Namun demikian sikap kerajaan British terhadap perkembangan sekolah-sekolah Inggeris ini tidak begitu jelas. Dengan perkembangan ekonomi bandar dan dengan membesarnya sistem birokrasi Barat, lebih ramai kakitangan yang mempunyai pendidikan dalam bahasa Inggeris dikehendaki oleh kerajaan untuk memenuhi tenaga pekerja di tahap pertengahan. Dalam masa yang sama pertumbuhan sekolah-sekolah ini juga disekat "untuk menghalang orang-orang Melayu kampung dari diserapi oleh idea-idea dan kebudayaan barat". (Watson, 1982; m.s. 26).

Sekolah-sekolah Inggeris ini terletak di pusat-pusat bandar dan dikenakan yuran bagi mereka yang memasukinya. Oleh itu sekolah-sekolah tersebut tidak mudah dimasuki oleh orang-orang Melayu yang tinggal jauh di luar bandar dan begitu juga dengan penduduk-penduduk bandar yang miskin. Ditinjau dari segala sudut, sekolah-sekolah Inggeris adalah bercorak elitist dan tinggi dengan pengiktirafan yang diberi. Kurikulum yang disediakan memberi tumpuan kepada sistem peperiksaan yang dikelolakan oleh Lembaga Peperiksaan Cambridge. Kelulusan dari sistem ini dengan mudah mendapatkan pekerjaan sama ada dari pihak kerajaan atau dari pihak swasta. Dari segi sejarah dan di pandang dari segi kedudukan dan kewibawaan, sekolah-sekolah Inggeris adalah jauh ke hadapan jika dibandingkan dengan sekolah-sekolah vernakular yang ada. Kedudukannya juga menjadi lebih kuat dengan dasar kerajaan British memberi pengiktirafan kepada bahasa Inggeris di dalam sistem birokrasinya. Dengan perkembangan-perkembangan yang sedemikian, tidak dapat tidak sekolah-sekolah Inggeris menjadi kukuh kedudukannya dan justeru itu menjadi lambang kepada sistem persekolahan di Malaysia. Berikutan dengan itu juga bahasa Inggeris menjadi bertambah penting di dalam sistem birokrasi negara dan di samping itu juga telah berjaya membentuk psikologi orang-orang Malaysia tentang 'indispensability'nya.

### **Laporan Razak dan Dekad Pertama Kemerdekaan**

Penyata Pelajaran 1956 (Jawatankuasa Razak) telah dibentuk oleh kerajaan untuk memperakukan satu sistem pelajaran kebangsaan yang sesuai bagi sebuah negara yang merdeka. Sebelum terbentuknya Jawatankuasa ini beberapa usaha telah dibuat untuk mencadangkan satu sistem pendidikan yang sesuai bagi sebuah masyarakat yang terdiri dari berbagai sukukaum. Tetapi semua usaha tersebut telah menemui kegagalan disebabkan perbezaan-perbezaan falsafah yang timbul di kalangan penduduk-penduduk negara ini berhubung dengan unsur-unsur yang boleh diterima sebagai sistem pelajaran yang bercorak nasional. Yang jelas timbul dari perbahasan-perbahasan tersebut ialah berhubung dengan kedudukan bahasa-bahasa sukukaum dan kedudukannya di dalam sistem pendidikan yang akan dibentuk kelak. Kegagalan kerajaan British dalam merancang satu sistem pendidikan bagi penduduk Malaysia adalah disebabkan beberapa faktor. Yang pertama, kontradiksi kaum telah pun dirasai di Malaysia setelah tamatnya peperangan dunia kedua berikutan dengan perubahan pola demografi yang begitu nyata.

Penduduk Malaysia sudah boleh dikenalpasti berdasarkan tiga sukukaum yang terbesar dengan perbezaan-perbezaan yang jelas samada dari segi bahasa, kebudayaan dan ugama. Berikutan dengan kejuruteraan sosial yang dilakukan, sama ada dibuat secara sedar atau tidak, pihak British telah membahagi-bahagikan penduduk berdasarkan kegiatan ekonomi, proses penempatan dan sistem pendidikan. Kedua, ialah dasar pendidikan penjajah British yang begitu kabur berhubung dengan aspek-aspek pendidikan di tanah jajahannya. kesan dari dasar tersebut muncul sekolah-sekolah yang diusahakan oleh golongan persendirian atau pun sukukaum-sukukaum sendiri. Usaha-usaha persendirian yang

dilakukan dengan begitu pesat telah menjadi sukar untuk dikawal. Keadaan ini menjadi bertambah rumit apabila sekolah-sekolah dianggap sebagai benteng bagi mempertahankan kebudayaan mereka. Dari sinilah timbulnya percanggahan objektif dan falsafah berhubung dengan matlamat tersebut. Kontradiksi kaum ini begitu kuat hingga telah berjaya menggagalkan usaha-usaha kerajaan British hendak membentuk satu sistem pendidikan untuk seluruh negara Malaysia mencapai kemerdekaannya dalam tahun 1957. Percanggahan falsafah yang pada asasnya berpunca daripada sentimen peribumi-pendatang sudah begitu nyata dan sebahagiannya dapat dikesan dari semangat kebangsaan sukukaum yang begitu mendalam berikutan dengan tamatnya peperangan dunia yang kedua (Haris, 1983).

Faktor yang ketiga ialah 'unsur tersembunyi' yang menjadi penghalang besar terhadap pencapaian cita-cita kebangsaan. Manakala kontroversi timbul terhadap kedudukan bahasa-bahasa di dalam sistem pendidikan yang hendak dilaksanakan, kedudukan bahasa Inggeris tidak terjejas sama ada dari segi pengaruh mahupun kepentingannya. Sekolah-sekolah Inggeris pula telah banyak mengeluarkan tenaga pekerja bagi birokrasi penjajah dan 'elit-elit Nasional' telah ditanam dengan kefahaman bahawa bahasa Inggeris itu terlalu penting dalam pentadbiran negara dan tanpanya pentadbiran akan terjejas (The Str. Times, Okt, 22, 1966). Justeru itu Laporan Razak telah bersikap kabur terhadap kedudukan bahasa Inggeris. Begitu juga dengan Laporan Rahman Talib yang sebahagian besarnya menyokong perakuan-perakuan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Pelajaran 1956, walaupun ternyata kelemahan yang terdapat di dalamnya (Haris, 1983). Faktor yang ketiga ini penting kerana pada masa tekanan-tekanan dibuat supaya bahasa Melayu dijadikan bahasa pengantar yang tunggal di sekolah-sekolah dan orang-orang Cina juga meminta supaya bahasa mereka diiktiraf sebagai salah satu bahasa rasmi negara, bahasa Inggeris dengan senyap telah memperkembangkan pengaruhnya dan difikirkan sebagai satu alternatif untuk mengatasi masalah bahasa yang sedang dihadapi. Perkembangan-perkembangan yang sedemikianlah menyebabkan dekad pertama kemerdekaan Malaysia merupakan satu krisis dalam menentukan dasar pelajaran negara. Setiap pilihanraya kebangsaan isu pelajaran dan bahasa menjadi alat dalam menentukan keputusannya.

Puncak dari ketegangan politik yang ditimbulkan oleh isu bahasa ialah tercetusnya krisis kaum pada 13hb. Mei, 1969. Ia berlaku setelah selesainya pilihanraya persekutuan dalam tahun 1969. Kejadian tersebut telah menggoncangkan asas perpaduan negara yang diandaikan telah wujud. Banyak sebab yang telah diutarakan berhubung dengan krisis tersebut. Ada yang mengaitkannya dengan ideologi kelas (Cham, 1975; m.s. 450). Goh (1971; m.s. 13) pula membuat analisa kejadian tersebut sebagai reaksi orang-orang Melayu apabila melihat kuasa mereka sudah mula menurun. Semua hujah-hujah yang diutarakan oleh mereka ini mempunyai alasan-alasan yang tersendiri. Tetapi yang nyata ialah puncanya yang jauh mendalam dari analisa-analisa tersebut. Ia terletak kepada asas masyarakat Malaysia sendiri dan di mana pemimpin-pemimpin negara telah tidak memberi perhatian yang serius terhadapnya.

Dengan tercapainya kemerdekaan, Malaysia mewarisi satu masyarakat berpecah-pecah sama ada dari segi kandungan sukukaum, kegiatan ekonomi, taburan geografi dan juga orientasi budaya. Pendekata tidak terdapat satu lambang yang boleh seseorang itu gunakan untuk tumpuan bersama. Sistem pentadbiran *laissez-faire* yang diamalkan oleh pentadbiran penjajah menjadi ikutan bagi kita. Tidak ada usaha yang dibuat untuk menyesuaikan institusi tersebut dengan keadaan negara yang baharu merdeka. Dengan institusi penjajahan yang bertujuan untuk matlamat penjajahan itu sendiri dikekalkan keseluruhannya, ia menjadi tidak sesuai kepada jentera kerajaan yang merdeka kerana kedapatan perbezaan-perbezaan yang jelas dan objektif yang berlainan. Misalnya, birokrasi pentadbiran setelah bertahun-tahun di bawah pemerintahan penjajah dan untuk tujuan penjajahan telah dikekalkan tanpa apa-apa perubahan untuk disesuaikan dengan negara baru. Sistem pendidikannya kekal dengan sistem pendidikan zaman penjajah sama ada dari segi bentuk mahupun kandungannya tanpa mencerminkan ciri-ciri kebangsaan yang boleh dibanggai oleh rakyat dalam sebuah negara yang merdeka.

Kegagalan pemimpin-pemimpin Malaysia untuk membawa perubahan kepada sistem pendidikan, orientasi birokrasi dan dasar-dasar penjajah yang masih ada menimbulkan kesan yang mendalam kepada negara. Oleh kerana begitu terpesona dengan institusi-institusi yang telah ditinggalkan oleh pihak penjajah maka mereka telah lupa ciri-ciri asas yang menjadikan sebuah negara itu mantap dan merdeka. Persoalan-persoalan berhubung dengan jenis masyarakat yang hendak dibina (Nyerere, 1968; m.s. 50) dan jenis manusia yang kita kehendaki telah tidak dipentingkan. Justeru itu selama lebih dari satu dekad Malaysia tidak mempunyai haluan yang jelas berhubung dengan masalah sukuk kaum dan proses pembangunan negara. Kesan dari dasar negara yang kabur dan haluan falsafah politik yang tidak menampakkan ke arah pencapaian matlamat, maka tercetuslah peristiwa 13 Mei, 1969.

Satu daripada kekaburan dasar ialah berkaitan dengan sistem pelajaran negara yang telah dijadikan sebagai alat berkompromi untuk tujuan politik dengan mengeneipkan tuntutan-tuntutan sesebuah negara yang merdeka dan berdaulat. Sikap kerajaan yang tidak begitu jelas berhubung dengan kedudukan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama di sekolah-sekolah menimbulkan kegelisahan di kalangan masyarakat Melayu dan sampai ke tahap kekecewaan apabila Rang Undang-Undang Bahasa Kebangsaan diluluskan Parlimen dalam tahun 1967 (Haris, 1983), Rang Undang-Undang tersebut yang sepatutnya memberi penyelesaian tentang masalah dan kedudukan bahasa telah tidak mencapai matlamat yang dikehendaki. Sebaliknya ia telah menambahkan lagi keruncingan yang ditimbulkan oleh persoalan bahasa. Enloe (1967; m.s. 209) menganggap Akta Bahasa Kebangsaan 1967 sebagai sesuatu yang tidak membawa apa-apa penyelesaian terhadap 'krisis bahasa' yang sedang dihadapi oleh negara.

Orang-orang Melayu menaruh harapan kepada Akta Bahasa Kebangsaan 1967 kerana ia memberi implikasi yang besar ke atas arah dasar pelajaran kebangsaan. Fasal 152 Perlembagaan Persekutuan tidak menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi yang tunggal di Malaysia. Sebaliknya bahasa Inggeris juga kekal sebagai bahasa rasmi negara dalam masa 10 tahun selepas merdeka dan sehingga Parlimen menentukan kedudukannya (Perlembagaan Persekutuan, Fasal 152(2)). Tetapi sebagaimana yang ternyata, Akta Bahasa Kebangsaan 1967 tidak memberi kedudukan yang muktamad kepada bahasa kebangsaan sebagai bahasa rasmi yang tunggal di Malaysia. Sebaliknya, bahasa-bahasa lain boleh digunakan dengan rasminya jika dirasakan perlu (Akta Bahasa Kebangsaan, 1967: fasal 3) dan Yang Di Pertuan Agong boleh membenarkan penggunaan Bahasa Inggeris untuk tujuan-tujuan rasmi jika dirasakan perlu (Akta Bahasa Kebangsaan, *ibid*: fasal 4). Pengekalan Bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi negara sebagaimana yang ternyata di dalam akta tersebut telah mengancam kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara. Dianalisa dari mana-mana perspektif bahasa Melayu tidak beruapaya menandingi bahasa Inggeris yang sudah pun berakar umbi di kalangan pemimpin negara dan juga jentera birokrasi. Ini dikuatkan dengan latarbelakang pendidikan pemimpin Malaysia selepas merdeka yang pada keseluruhannya mendapat pendidikan Inggeris. Sebaliknya sekolah-sekolah Melayu masih baru dan setelah setahun Merdeka baharulah ia mempunyai kelas menengah yang pertama dan dalam tahun 1965 kumpulan pertama dari murid-murid kelas menengah tersebut memasuki Universiti.

Memandangkan kedudukan bahasa Inggeris yang begitu ke hadapan dan kedudukannya juga 'dikekalkan' oleh Akta Bahasa Kebangsaan 1967 maka tidak dapat tiada haluan dasar pelajaran kebangsaan juga menunjukkan kecenderungan terhadap sekolah-sekolah Inggeris. Ini boleh kita lihat melalui perkembangan kuantitatif ke atas sistem pendidikan kebangsaan, di antara 1957-1967. Dalam tahun 1957 misalnya purata terdapat 202 orang murid di dalam sesebuah sekolah rendah kebangsaan. Angka ini menjadi 255 dalam tahun 1967, pertambahan sebanyak 26%. Bagi sekolah-sekolah Inggeris pula purata murid-murid di setiap sekolah ialah seramai 519 dalam tahun 1957 dan angka ini meningkat kepada 788 orang murid dalam tahun 1967, pertambahan sebanyak 52%. Dengan mengambil 40 sebagai purata saiz sesuatu kelas, dalam tahun 1957 terdapat secara purata 5 buah kelas di setiap

sekolah rendah kebangsaan dan ini bertambah kepada 6 dalam tahun 1967. Bagi sesebuah sekolah Inggeris pula purata kelas-kelas yang terdapat adalah 13 dan sepuluh tahun kemudian ia meningkat kepada 20 (lihat jadual 2).

Satu lagi aspek yang boleh diperhatikan ialah perkembangan sekolah-sekolah yang dibantu oleh kerajaan di antara 1957-1967 (lihat jadual 3). Dalam tahun 1957, jumlah sekolah-sekolah rendah Melayu yang mendapat bantuan dari kerajaan berjumlah 2,190. Angka ini menjadi 2,324 dalam tahun 1967, pertambahan sebanyak 6% dalam masa 10 tahun. Dalam jangkamasa yang sama sekolah-sekolah Inggeris yang mendapat bantuan dari kerajaan bertambah sebanyak 116 atau 46%.

Perantaraan	Pendaftaran Murid			Ramai murid bagi tiap sekolah		
	1957	1967	% tambahan	1957	1967	% tambahan
Melayu	441,567	591,560	34	202	255	26
Inggeris	130,360	289,056	122	519	788	52
Cina	310,458	355,771	15	329	359	9
Tamil	50,766	79,203	56	57	115	102
Jumlah	933,151	1,315,590	41	277	379	37

**JADUAL 2: Perbandingan angka-angka pendaftaran di sekolah-sekolah rendah yang mendapat bantuan bagi tahun 1957 dan 1967.**

*Sumber:* Kementerian Pelajaran Malaysia, 1968. Angka-angka diperolehi dari muka surat 32, 33, 34 dan 35.

Pengantar	1956	1957	1967
Melayu	2,172	2,190	2,324
Inggeris	224	251	367
Cina	941	943	990
Tamil	877	888	686
Jumlah	4,214	4,272	4,367

**JADUAL 3: Angka Sekolah-sekolah Rendah yang mendapat Bantuan**

*Sumber:* Kementerian Pelajaran Malaysia, *ibid.* Angka-angka diperolehi dari Jadual 25.

Bagi sekolah-sekolah menengah bantuan kerajaan pula, dalam tahun 1958, terdapat sebanyak 148 buah sekolah menengah Inggeris. Dalam tahun 1967 jumlahnya ialah 408 (lihat jadual-4). Ini merupakan pertambahan sebanyak 260 buah sekolah atau 176%. Kelas-kelas menengah Melayu yang bermula pada tahun 1958 tidak mempunyai bangunannya yang sendiri. Kelas-kelas ini hanya menumpang di sekolah-sekolah Inggeris, dan hanya pada tahun 1963 ia mempunyai bangunan dan kawasannya yang tersendiri. Dalam tahun 1964 terdapat sebanyak 22 sekolah menengah Melayu dan angka ini menjadi 298 dalam tahun 1967. Bertambahnya sekolah-sekolah menengah Melayu ini tidak dapat dielakkan kerana dengan

terlaksananya dasar kenaikan darjah secara automatik dalam tahun 1965 memerlukan bangunan-bangunan yang banyak untuk menampung murid-murid dari sekolah-sekolah rendah Melayu masuk ke sekolah-sekolah menengah yang dahulu dihadkan melalui peperiksaan.

Perantaraan	1957	1958	1962	1964	1967
Melayu	n.a.	n.a.	n.a.	22	298
Inggeris	n.a.	148	231	271	408
Cina	n.a.	53	—	—	—
Tamil	—	—	—	—	—
Jumlah	n.a.	201	231	293	706

**JADUAL 4: Sekolah-sekolah Menengah Bantuan Kerajaan**

*Sumber:* Kementerian Pelajaran Malaysia, op. cit. Angka-angka diperolehi dari Jadual 26.

Dari angka-angka yang telah diberi tadi, dapatlah dibuat pemerhatian bahawa sejak Laporan Razak (para. 12) yang menyatakan bahawa adalah tujuan dasar pelajaran kebangsaan hendak menjadikan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama di sekolah-sekolah, dan juga dari perlembagaan persekutuan yang hendak menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan negara (fasal 152), perkembangan-perkembangan yang berlaku menunjukkan pertentangan dari semangat yang terkandung dalam perlembagaan dan juga dalam dasar pelajaran kebangsaan negara. Adalah diandaikan bahawa dalam pertengahan tahun 1960, dasar pelajaran kebangsaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Laporan Razak dan Rahman Talib sudah pun menuju ke arah yang hendak dicapai. Tetapi sehingga tahun 1967 apabila Akta Bahasa Kebangsaan diluluskan oleh Parlimen kedudukan 'status-quo' bahasa-bahasa masih dikekalkan. Pendeknya, Akta tersebut telah memperkuatkan lagi kedudukan bahasa Inggeris di dalam pentadbiran dan sistem pelajaran kebangsaan negara. Seperti kata Dr. Lim Chong Eu:

"Apabila saya mula-mula melihat Akta ini, dari pandangan pertama, saya fikir saya bukan sahaja membaca apa yang dipanggil Akta Bahasa Kebangsaan tetapi saya membaca Akta Bahasa Kebangsaan dan pengekalannya kedudukan istimewa Akta Bahasa Inggeris." (Parliamentary Debates, 1967: col.6178)

### **Pendidikan dan Kepimpinan Politik**

Dilema yang dihadapi oleh pemimpin-pemimpin negara ialah berhubung dengan pemilihan di antara bahasa Melayu dan Inggeris. Bahasa Inggeris adalah bahasa kerajaan yang digunakan dengan sepenuhnya dalam sistem birokrasi, perundangan dan institusi-institusi pengajian tinggi. Ia adalah bahasa yang digunakan oleh golongan menengah dan kedudukannya di peringkat atasan masyarakat melambangkan taraf tinggi yang diberikan kepada bahasa tersebut. Kecuali Parti Islam Se Tanah Melayu, parti-parti politik yang lain semuanya dipimpin oleh mereka yang mendapat pendidikan Inggeris. Sejak merdeka ahli-ahli Kabinet Malaysia semuanya dari mereka yang berpendidikan Inggeris kecuali seorang<sup>1</sup> yang mendapat pendidikan sekolah Melayu.

Keadaan ini menimbulkan satu paradoks dalam persoalan kepimpinan. Manakala pemimpin parti politik dan negara adalah dari kalangan yang berpendidikan Inggeris atau mendapat pendidikan dari Barat, pengikutnya pula adalah terdiri dari mereka yang berkelulusan dari sekolah-sekolah vernakular. Perbezaan-perbezaan dari segi pengalaman

dan latarbelakang pendidikan ini melahirkan percanggahan 'weltanschauung' berhubung dengan isu-isu yang dibincangkan di dalam parti. Enloe (op.cit.: 147) misalnya membuat pemerhatian bahawa persoalan bahasa "menampakkan jurang di antara elit-elit dari kesemua kumpulan kaum dan kebanyakan rakyat Malaysia. Elit-elit dari setiap kumpulan kaum mempunyai kepentingan dalam mengekalkan bahasa Inggeris." Pemimpin-pemimpin Melayu, misalnya, walaupun berjanji untuk memberi taraf yang sewajarnya kepada bahasa kebangsaan tetapi dalam masa yang sama telah tidak tegas berhubung dengan cadangan hendak mengurangkan kepentingan bahasa Inggeris. Khir Johari di dalam ucapannya yang dibuat di Sekolah Penang Free telah memberi jaminan kepada mereka yang berpendidikan Inggeris bahawa bahasa Inggeris akan kekal sebagai bahasa yang penting walaupun bahasa Melayu telah dipilih sebagai bahasa kebangsaan negara. Ia menekankan bahasa Inggeris adalah perlu "untuk membantu negara ini menghasilkan lelaki dan wanita yang profesional yang sangat diperlukan untuk membena negara kita, dan mendapatkan faedah dari pendidikan tinggi yang terbaik, di sini atau di luar negeri," (The Straits Times, Oct. 22, 1965).

Memandangkan perkembangan-perkembangan politik yang sedemikianlah krisis 13 Mei akan sentiasa diingat dalam sejarah Malaysia sebagai garis pemisah di antara yang lama dengan yang baharu, kegagalan masa lepas dan harapan masa hadapan. Peristiwa tersebut telah menggerakkan negara ke satu kesedaran, dan membuat pemeriksaan ke atas institusi politik dan pendidikan yang dianggap sebagai punca meletusnya krisis tersebut. Seperti yang telah dicadangkan oleh Coser (1968; m.s. 126), konflik boleh menghasilkan beberapa perkara. Pertama ia membawa kepada penyesuaian dan penciptaan undang-undang dan kedua, aplikasi peraturan-peraturan baru yang membawa kepada pertumbuhan struktur-struktur institusi yang baharu. Cadangan Coser ini tidak banyak perbezaan sebagaimana yang berlaku di Malaysia selepas peristiwa 13 Mei. Di antaranya pemeriksaan dengan teliti dibuat ke atas institusi-institusi nasional yang dicurigai tentang pelaksanaan dasarnya. Misalnya, dasar kerajaan terhadap bahasa dan pendidikan telah menimbulkan banyak kontroversi dari segi objektif dan falsafah. Keadaan curiga ini dikuatkan lagi dengan adanya pemimpin kerajaan yang cuba hendak menyeleweng dari dasar awal sebagaimana yang termaktub di dalam Laporan Razak dan Rahman Talib. Justeru itu selepas peristiwa 13 Mei, satu usaha yang serius telah ditunjukkan oleh kerajaan untuk membetulkan kesilapan yang lalu. Bahkan pentakrifan semula dasar pelajaran kebangsaan merupakan rancangan pertama yang telah mendapat perhatian segera dari kerajaan. Selepas dua minggu sahaja berlakunya kejadian tersebut Menteri Pelajaran yang baharu, Abdul Rahman bin Yaakub telah mengumumkan pelaksanaan satu dasar pelajaran yang dinamik bagi negara (The Straits Times, 28 Mei 1969). Tumpuan yang diberi kepada Abdul Rahman Yaakub ialah berhubung dengan kenyataan bahawa mulai tahun 1970 semua mata pelajaran kecuali bahasa Inggeris dan bahasa ibunda murid akan diajar dalam bahasa Melayu, bermula dari darjah satu di semua sekolah rendah jenis kebangsaan Inggeris. Proses penukaran bahasa ini akan berakhir dalam tahun 1978 apabila semua peperiksaan tingkatan lima akan dijalankan sepenuhnya di dalam bahasa Malaysia. Bagi institusi-institusi pengajian tinggi pula bahasa pengantar dan peperiksaannya akan diberi di dalam bahasa kebangsaan bermula pada tahun 1983. (The Straits Times, 12 Julai 1969). Dengan pengumuman dan arahan yang dibuat oleh Dato' Abdul Rahman Yaakub, kekaburan yang sentiasa menyelubungi persoalan bahasa kebangsaan dan bahasa Inggeris di sekolah-sekolah telah dapat diselesaikan.

Tindakan tegas yang diambil oleh Dato' Abdul Rahman Yaakub sebagai Menteri Pelajaran Malaysia adalah terkeluar dari perlakuan biasa yang sering diamalkan oleh pemimpin-pemimpin dari Dunia Ketiga. Beliau telah dapat menyekat golongan-golongan elit negara daripada meneruskan dasar-dasar neo-kolonial dalam sistem pendidikan. Hakikat ini perlu dititikberatkan kerana peranan sistem pendidikan asing dalam mengawal apa-apa perubahan sosial dan pembentukan kumpulan-kumpulan elit yang diorientasikan dari luar adalah penting bagi apa-apa dasar yang bercorak neo-kolonial (Buchanan, 1975; m.s. 31). Seperti kata Sheikh Hamidon Kane (cited in Buchanan, *ibid.*):

“Lebih berkesan dari senapang ia menjadikan penaklukan berkekalan. Senapang mengugut tubuh badan tetapi sekolah memukau akal fikiran.”

### Perkembangan selepas tahun 1970

Salah satu sebab yang membawa kepada teretusnya krisis kaum dalam tahun 1969 ialah berkaitan dengan dasar pelajaran negara yang tidak menunjukkan sebarang ketegasan untuk dilaksanakan (Haris, 1983). Dalam dekad pertama negara mencapai kemerdekaan ternampak hilangnya kepercayaan rakyat terhadap kedudukan bahasa kebangsaan sama ada sebagai bahasa rasmi yang tunggal negara ataupun sebagai bahasa pengantar yang utama di sekolah-sekolah. Sebagaimana yang telah diterangkan tadi, dalam tempoh tersebut juga memperlihatkan kedudukan bahasa Inggeris semakin kukuh dan sekolah-sekolah Inggeris juga berkembang dengan pesatnya. Laporan-laporan pelajaran yang dikeluarkan selepas negara ini mencapai kemerdekaannya adalah begitu samar apabila menyebut kedudukan bahasa kebangsaan dalam hubungannya dengan bahasa Inggeris. Apa yang timbul dari kesamaran ini ialah satu krisis falsafah terhadap persoalan bahasa. Manakala telah ditegaskan beberapa kali bahawa pendidikan adalah penting dalam usaha untuk membangunkan negara dan bahasa kebangsaan telah diterima sebagai satu alat untuk mencapai matlamat tersebut, tindakan yang diambil oleh pembuat dan pelaksanaan dasar menunjukkan perkembangan-perkembangan yang sebaliknya. Namun demikian, kita tidak dapat menafikan tentang perlunya bahasa Inggeris terutama sekali untuk mendapatkan kemahiran-kemahiran teknologi barat. Adalah terlalu angkuh bagi kita dengan sewenang-wenangnya menafikan kedudukan bahasa Inggeris di dunia hari ini. Tetapi dengan memberi penekatan yang berlebihan dan menganggapnya sebagai ‘indispensable’ tidak dapat tiada meletakkan kedudukan bahasa kita sendiri dalam kedudukan yang terancam. Kesan dari keadaan ini sudah tentu mengganggu kelancaran dan pemahaman murid terhadap bahasa dan kebudayaan masyarakat di mana mereka dilahirkan. Pengalaman-pengalaman di negara kita telah menunjukkan bahawa dalam dekad pertama kemerdekaan telah melihat perkembangan sekolah-sekolah Inggeris yang begitu pesat hingga mengancam sekolah-sekolah yang menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantarnya. Yang pentingnya ialah pengaruh bahasa Inggeris dan perkembangannya melalui agensi-agensi kerajaan memainkan peranan dalam mengekalkan kedudukan dan statusnya sebagai penerusan pergantungan kebudayaan dan dasar neo-kolonialisme pihak penjajah British. Di dalam peringkat awal kemerdekaan pengekalan sistem pelajaran penjajah boleh dipertahankan sebagai tidak ada alternatifnya tetapi dipandang dari operasinya dan matlamat sekolah-sekolah sebagai alat untuk pembangunan negara, kehadiran sekolah-sekolah Inggeris yang berterusan adalah sukar untuk diberi alasan yang jitu. Ini ialah kerana terdapatnya sekolah-sekolah ethnik yang tidak memberi keseragaman dalam bahasa pengantarnya. Justeru itu bahasa Inggeris tidak dapat memberi satu pendidikan am yang baik kepada kebanyakan kanak-kanak. Seorang hanya dapat mengandaikan bahawa sekolah-sekolah aliran Inggeris yang semakin kuat dan berkembang hingga ke akhir dekad pertama kemerdekaan negara adalah untuk segolongan minoriti yang akan meneruskan pelajaran mereka ke peringkat menengah dan universiti-universiti.

Memandangkan perkembangan-perkembangan ini krisis kaum yang berlaku dalam tahun 1969 merupakan detik pemisah dalam menentukan dasar bahasa di Malaysia. Realisme baru yang muncul dari krisis itu memperlihatkan keperluan segera supaya sistem pelajaran kebangsaan diperkukuhkan. Kesedaran mula timbul bahawa sekolah-sekolah Inggeris dan bahasa Inggeris walaupun diperlukan untuk mendapatkan kemahiran-kemahiran teknik barat, ia juga mempunyai akibat yang buruk ke atas perpaduan negara. Oleh kerana sifatnya yang begitu elitist, pendidikan Inggeris membena satu tembok pemisah di antara mereka yang belajar di institusi-institusi tersebut dengan mereka yang tidak berpeluang menghidirinya. Oleh kerana sekolah-sekolah Inggeris ini kebanyakannya dihadiri oleh elit-elit masyarakat, kedudukannya telah dipertahankan dengan alasan-alasan keilmuan dan kesejagatannya tanpa mengambil kira aspek-aspek kebudayaan tempat, kerantauan dan

keperibumian. Kesan dari pengekaln sistem pendidikan yang diinspirasikan oleh pihak penjajah ini telah menafikan negara dari kepimpinan yang berorientasikan rantau ini. Nyerere (1968; m.s. 46) telah dengan tepat menghuraikan bahawa sistem pendidikan penjajah “bukan direka untuk menyediakan orang-orang muda untuk berkhidmat kepada negaranya sendiri; sebaliknya ia digerakkan oleh satu kehendak untuk membena nilai-nilai masyarakat penjajah dan melatih individu-individu untuk berkhidmat bagi negara penjajah.” Kerosakan yang diakibatkan oleh sistem pendidikan penjajahan ke atas masyarakat peribumi juga telah dinyatakan oleh Watson (1982; m.s. 28) seperti berikut:

“Kerana terdapat kekurangan penjelasan mengenai jenis masyarakat dan tempat di dalam masyarakat pelajar-pelajar disediakan, sekolah-sekolah penjajah tidak menyediakan kepimpinan di dalam masyarakat peribumi, juga bukan untuk kepimpinan di dalam masyarakat penjajah. Mereka dicorak untuk dimuatkan ke dalam satu dunia yang berbeza dari tempat mereka dilahirkan dan di mana ibu-bapa mereka hidup dan bekerja.”

Aspek dinyatakan oleh Watson (ibid.) inilah yang menjadikan kesamaran dalam dasar pelajaran kita terutamanya apabila hendak menentukan bahasa pengantar utama di sekolah-sekolah. Apa yang berlaku ialah dengan mengambil jalan mudah dengan cara mengekalkan sistem pendidikan yang ada dan dihalalkan dengan alasan-alasan yang juga samar seperti sebab-sebab keilmuan, kesejagatan dan pembangunan. Kesan dari perkembangan ini ialah kita terperangkap dalam “pergantungan intelek” (Altbach, 1982; m.s. 475) dan pendidikan. Justeru itu kita berterusan mengambil negara yang pernah menjajah kita sebagai sumber rujukan dan ukuran dalam proses pembinaan negara.

Tidak dapat dinafikan bahawa realisme baharu yang muncul akibat dari krisis kaum yang berlaku dalam tahun 1969 telah membawa kepada pelaksanaan dasar bahasa Malaysia secara progresif di semua peringkat persekolahan. Dalam tahun 1983 kemajuan dalam penggunaan bahasa Malaysia sampai ke peringkat universiti. Penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia dalam tahun 1970 dan kejayaan universiti tersebut menggunakan bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantarnya boleh dijadikan sebagai kayu pengukur apabila menilai kemampuan bahasa tersebut dalam semua peringkat persekolahan.

Tetapi paradoksnya akhir-akhir ini riak-riak telah dibuat dan syak wasangka timbul terhadap dasar bahasa Malaysia di Malaysia keseluruhannya.<sup>2</sup> Pengusaha-pengusaha bahasa Inggeris mula mempersoalkan kewibawaan bahasa Malaysia dengan menghantar anak-anak mereka belajar ke negara jiran dan mengambil bahagian dalam penubuhan sekolah-sekolah swasta yang memberi tumpuan kepada pengajaran bahasa Inggeris. Sikap ‘kembali kepada bahasa Inggeris’ ini telah secara langsung mendapat restu dari pihak pemerintah. Misalnya awal tahun ini akhbar-akhbar di England telah mengiklankan jawatan guru bahasa Inggeris untuk bertugas di Malaysia dengan menawarkan gaji yang begitu lumayan. Rancangan Kementerian Pelajaran hendak membawa masuk 200 orang guru bahasa Inggeris dari England dengan menelan belanja sebanyak 12 juta ringgit (Malaysian Business, Jun 1, 1984) sudah tentu memberi gambaran tentang kedudukan bahasa Inggeris di negara kita sekarang ini. Hakikat bahawa usaha yang serius tidak dibuat untuk menggunakan tenaga-tenaga tempatan dan latihan-latihan tidak dijalankan untuk melatih mereka ini dalam bidang bahasa Inggeris sebagai bahasa asing atau sebagai bahasa kedua, menunjukkan bahawa pihak pemerintah masih hendak meneruskan dasar pergantungan dengan Britain. Misalnya lima tahun lalu satu tinjauan rasmi telah dibuat terhadap guru-guru yang mengajar bahasa Inggeris di sekolah-sekolah dan didapati bahawa lebih daripada 40% tidak mempunyai kelulusan bahasa Inggeris dan tidak sampai 1% yang mempunyai kelulusan pengajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua atau pengajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa asing (Malaysian Business, ibid.). Penumpuan yang keterlaluan yang diberikan terhadap bahasa Inggeris ini juga seperti menunjukkan bahawa ia adalah nadi kepada sistem pendidikan negara sedangkan apa yang berlaku adalah sebaliknya. Sebenarnya hanya segelintir sahaja dari penduduk Malaysia yang memerlukannya dan ini berkaitan dengan sistem pendidikan kita yang

begitu elitist strukturnya. Misalnya dalam tahun 1975 jumlah murid-murid yang mengikuti sekolah rendah ialah seramai 1,586,909 dan mereka yang berada di peringkat pelajaran menengah tinggi ialah seramai 16,353 (1%); dan yang mengikuti kursus ijazah adalah seramai 14,254 tidak sampai 1% (Rancangan Malaysia ke 4, 1981). Memandangkan jumlah yang begitu kecil yang memerlukan kemahiran bahasa Inggeris maka tidaklah bijak bagi pihak pemerintah menimbulkan satu krisis berdasarkan keperluan-keperluan elitist dengan tidak mengambil kira kesan-kesan psikologi kepada negara keseluruhannya. Rancangan Malaysia ke Empat 1981-1985 (p.389) misalnya memperakui bahawa "Penggunaan Bahasa Inggeris" sebagai bahasa kedua akan diberi tumpuan yang lebih. Ini sudah tentu mengelirukan kita tentang peranan sebenar bahasa Inggeris. Keadaan krisis kepercayaan terhadap bahasa Malaysia vis-a-vis bahasa Inggeris ini dikuatkan lagi dengan terbentuknya Universiti Islam Antarabangsa yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantarnya. Sama ada secara langsung atau tidak, pembentukan universiti ini menambahkan lagi krisis terhadap perkembangan bahasa Malaysia di pusat-pusat pengajian tinggi dengan menggunakan cogan kata internasionalisme sebagai alasannya.

## Penutup

Berdasarkan kepada perkembangan-perkembangan yang telah dibincangkan jelas menunjukkan bahasa Inggeris akan terus mengekalkan kedudukannya seperti keadaan sebelum tahun 1970. Ia juga telah menunjukkan bahawa kesan penyerapan kebudayaan penjajah ke dalam sistem pendidikan dan birokrasi sebagai alat yang penting dalam mengekalkan pergantungan kebudayaan. Dalam penganalisaan yang lebih luas kesan ini tidak akan terhad hanya ke dalam bidang bahasa dan pendidikan. Bahasa merangkumi kebudayaan dan nilai sesebuah masyarakat. Justeru itu perkembangan bahasa Inggeris tidak akan terhad dalam usaha negara mencari ilmu. Lebih dari itu ia membawa bersama-sama sistem nilai yang terdapat dalam kebudayaan bahasa tersebut. Kesan psikologi yang diakibatkan dari perkembangan bahasa Inggeris ini adalah mendalam dan sebagaimana yang terdapat pada hari ini, walaupun kita telah mencapai kemerdekaan hampir tiga dekad kita masih sangsi terhadap kebolehan dan keupayaan kita sendiri dan masih menggunakan Britain sebagai alat ukuran dalam menentukan taraf sistem pendidikan kita.<sup>3</sup> Justeru itu adalah tepat jika dikatakan bahawa pemerintahan penjajah telah berjaya meninggalkan warisan kebudayaannya melalui bahasa dan diperkukuhkan melalui sistem pelajaran kebangsaan. Kedua, pemerintahan penjajah telah berjaya mencipta satu suasana di mana timbul satu andaian bahawa kemajuan dan pembangunan tidak akan wujud tanpa bahasa Inggeris sebagai alatnya. Suasana ini masih dikekalkan hingga sekarang.

Kesimpulan di atas juga menunjukkan bahawa 'pergantungan pendidikan' dan relevannya kepada negara Dunia ke Tiga hari ini. Untuk menafikan relevannya teori tersebut dalam bidang pendidikan dan hanya menghadkan dalam aspek-aspek ekonomi (McLean, 1983) merupakan satu helah untuk meneruskan dasar neo-kolonialisme negara-negara maju ke atas negara-negara di Dunia Ke Tiga.

## Nota

<sup>1</sup>Beliau ialah Abdul Ghafar Bin Baba yang menyertai kabinet dalam tahun 1969.

<sup>2</sup>Akhir-akhir ini Televisyen Malaysia kerap mengiklankan supaya menggunakan bahasa Malaysia. Cogan kata 'Bahasa Jiwa Bangsa' yang dicipta lebih dari 20 tahun yang lalu juga sering digunakan.

<sup>3</sup>Majlis Peperiksaan Malaysia ditubuhkan dalam tahun 1979. Hingga ke hari ini soalan-soalan peperiksaan masih perlu disahkan oleh Lembaga Peperiksaan Cambridge.

### Rujukan

- Altbach, P.G. "Servitude of the Mind? Education, Dependency, and Neocolonialism". In Altbach et. al. *Comparative Education*. New York: Macmillan, 1982.
- Arasaratnam, S. *Indians in Malaysia and Singapore*. London: Oxford University Press, 1970.
- Akta Bahasa Kebangsaan, 1967.
- Buchanan, K. *Reflections on Education in the Third World*. Nottingham: Spokesman Books, 1975.
- Carnoy, M. *Education as Cultural Imperialism*. New York: Longman, 1974.
- Cham, B.N. "Class and Communal Conflict in Malaysia." *Journal of Contemporary Asia*. 5: 1975, pp. 446-458.
- Coser, L. *The Functions of Social Conflict*. (First published in 1956). London: Routledge and Kegan Paul, 1968.
- Enloe, C.H. *Multi-Ethnic Politics: the Case of Malaysia*. Ph.D. Thesis University of California, Berkeley, 1967.
- Frank, A.G. "Economic Dependence, Class Structure, and Underdevelopment policy." In Cockcroft, Frank & Johnson. *Dependence and Underdevelopment*. New York: Anchor Books, 1972.
- Federation of Malaya. *Report of the Education Committee, 1956*. (The Razak Report). Kuala Lumpur: Government Press, 1956.
- Report of the Education Review Committee, 1960*. (The Rahman Talib Report. Kuala Lumpur: Government Press, 1960.
- Furnivall, J.S. *Colonial Policy and Practice: A Comparative Study of Burma and Netherlands India*. Cambridge: At the University Press, 1948.
- Goh Cheng Teik, *The May Thirteenth Incident and Democracy in Malaysia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1971.
- Haris Md. Jadi, *Ethnicity, Politics and Education: A Study in the Development of Malayan Education and its Policy Implementation Process 1955-1970*. Ph. D. thesis. University of Keele, 1983.
- Loh, P. *Seeds of Separatism: Educational Policy in Malaya 1874-1940*. Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1975.
- Malaysia. *Federal Constitution: Incorporation All Amendments up to 1st June, 1970*. Kuala Lumpur: Government Press, 1970.
- Second Malaysia Plan 1971-1975*. Kuala Lumpur: Government Press, 1971.
- Fourth Malaysia Plan 1981-1985*. Kuala Lumpur: Government Press, 1981.
- Malaysian Business July 1, 1984.
- McLean, M. "Educational Dependency: a critique". In *Compare*. Vol. 13 No. 1: 1983; pp. 25-40.
- Nyerere, J.K. *UJAMMA: Essays on Socialism*. Dar-es-Salaam: Oxford University Press, 1968.
- Ministry of Education, *Educational Statistics of Malaysia 1938-1967*. Kuala Lumpur: Government Press, 1968.
- Parliamentary Debates, March 1967.
- Purcell, V. *The Chinese in Malaya*. London: Oxford University Press, 1967.
- Sadka, E. *The protected Malay States 1874-1895*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1968.
- Sandhu, K.S. *Indians in Malaya: Some Aspects of their Immigration and Settlement (1786-1957)*. Cambridge: At the University Press, 1969.
- Silcock, T.H. "Forces of Unity in Malaya: Observation of a European Resident. *International Affairs*. 25: 1949; pp. 453-465.
- Watson, J.K.P. *Education in the Third World*. London: Croom Helm, 1982.